

**Soalan-Soalan Lazim BSN SSP 2025****1) Berpakah jumlah cabutan yang ditawarkan BSN SSP untuk 2025?**

Untuk 2025, BSN SSP menawarkan sebelas (11) kategori cabutan seperti dibawah:

- a) Cabutan Jutawan
- b) Cabutan Bulanan
- c) Cabutan Negeri
- d) Cabutan Penyimpan Baharu
- e) Cabutan Penyimpan Muda
- f) Cabutan Kesetiaan
- g) Cabutan Kerjaya / Segmen
- h) Cabutan Akaun Gaji
- i) Cabutan Penyimpan Konsisten
- j) Cabutan Perayaan
- k) Cabutan Kasih

**2) Bagi Cabutan Jutawan, apakah definisi bagi pelanggan di bawah bulan cabutan Istimewa dan apakah syarat untuk melauyakkan diri bagi cabutan ini?****a) Kelayakan bagi Cabutan Jutawan:**

- Simpanan Minimum: RM3,000
- Tempoh Simpanan Savings Period: Minimum 60 days

**Bulan Cabutan Istimewa****a) Cabutan November: Guru dan Pekerja Barisan Hadapan**

- Guru tadika / sekolah rendah /sekolah menengah / sekolah swasta / sekolah antarabangsa / sekolah agama yang didaftarkan dibawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Pensyarah di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Kakitangan dari KPM dan KPT juga layak. Guru dan pensyarah yang sudah bersara juga layak.
- Polis, Askar, Bomba, Doktor Perubatan (termasuk doctor gigi, pakar terapi, pakar optik), Jururawat dan Pegawai Kastam. Termasuk juga kakitangan Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Tempoh simpanan minimum 60 hari **tidak terpakai** untuk **Cabutan Bulan November**.

**3) Apakah senarai negeri yang diambil kira bagi Cabutan Negeri?**

- a) Johor
- b) Negeri Sembilan
- c) Kuala Lumpur
- d) Pahang
- e) Selangor
- f) Melaka
- g) Perak
- h) Terengganu
- i) Kedah / Perlis
- j) Kelantan
- k) Pulau Pinang
- l) Sabah
- m) Sarawak

Adalah dimaklumkan bahawa penyertaan untuk Cabutan Negeri akan dikira mengikut negeri tempat pembelian dibuat dan bukannya negeri pembukaan akaun pelanggan.

**4) Apakah syarat kelayakan untuk Cabutan Penyimpanan Baharu?**

Pelanggan perlu membuat simpanan minimum RM500 dan juga mestilah Pelanggan Baru kepada Bank. Pelanggan juga mesti mematuhi syarat bahawa pelanggan perlu berumur 12 tahun dan ke atas.

Pelanggan baharu bank ditakrifkan sebagai pelanggan yang membuka akaun BSN SSP 12 bulan sebelum tarikh cabutan.

**5) Berapakah had umur untuk layak menyertai Cabutan Penyimpanan Muda?**

Pelanggan mestilah berumur antara 12-21 tahun dan dengan membuat simpanan minimum RM100 di dalam akaun SSP BSN. Had umur untuk cabutan ini ialah 21 tahun, 11 bulan dan 30 hari.

**6) Apakah syarat kelayakan bagi Cabutan Kesetiaan?**

Pelanggan dengan sijil berumur minimum 20 tahun dan ke atas,

Dan,

Pelanggan perlu membuat simpanan minimum baru sebanyak RM500. Simpanan perlu dibuat pada tahun 2025 untuk layak.

**7) Bagaimanakah cara untuk melayakkan diri bagi Cabutan Profesion / Segmen dan apakah pembahagian bulan-bulan untuk profesion / segmen yang berbeza?**

Untuk layak, pelanggan perlu membuat simpanan minimum RM500 terlebih dahulu.

Pembahagian bulan untuk cabutan profesion / segmen boleh dirujuk di bawah:

Bulan	Profesion / Segment
Januari, Mei & September	Guru
Februari, Jun & Oktober	Polis / Askar
Mac, Julai & November	Sektor Perubatan
April, Ogos & Disember	Perempuan

Bulan-bulan yang dinyatakan di atas bermakna hanya profesion / segmen yang sepadan akan layak untuk cabutan. Pelanggan dinasihatkan untuk mengemaskini status profesion dikemaskini melalui kaunter cawangan atau melalui pusat hubungan kami untuk memastikan mereka layak untuk cabutan.

**8) Siapakah yang layak untuk Cabutan Akaun Gaji?**

i) Pelanggan yang layak untuk Cabutan Akaun Gaji mestilah mempunyai simpanan minimum RM500 dalam akaun SSP BSN mereka dan mempunyai purata baki akhir minimum RM1,000 dalam akaun gaji sebelum tarikh cabutan; DAN

ii) Pelanggan juga perlu memastikan bahawa terdapat deposit gaji yang konsisten dalam akaun selama 3 bulan yang lalu sebelum tarikh cabutan. Baki akhir purata dikira dengan menambah baki purata dalam akaun gaji BSN pelanggan dan membahagikan dengan 3 bulan untuk mendapatkan baki purata minimum RM1,000.

iii) Pelanggan juga akan layak untuk **gandaan penyertaan** apabila mereka layak untuk cabutan ini.

**9) Apakah syarat kelayakan untuk Cabutan Penyimpanan Konsisten?**

Pelanggan perlu membuat simpanan terkumpul minimum sebanyak RM500 3 bulan berturut-turut sebelum tarikh cabutan.

**10) Apakah syarat untuk layak mendapat Hadiah Utama bagi Cabutan Penabung Biasa?**

- i) Pelanggan perlu menyimpan sekurang-kurangnya untuk enam (6) bulan sepanjang tahun (tidak semestinya berturut-turut) dengan simpanan minimum RM500 untuk setiap bulan; DAN
- ii) Kenaikan baki akhir akaun sebanyak RM6,000 menjelang Disember 2025 berbanding baki akhir pada Disember 2024.

**11) Apakah Cabutan Perayaan dan apakah maksud bulan yang berbeza untuk Cabutan Perayaan dan bagaimanakah ia mempengaruhi proses cabutan?**

Pelanggan dikehendaki membuat simpanan minimum baru sebanyak RM500 sebelum bulan cabutan. Setiap bulan, akan ada sambutan yang berbeza dan visual yang diperibadikan mengikut bulan yang telah dinyatakan.

- a) Bulan-bulan yang berbeza untuk cabutan adalah untuk kita meraikan dan menggalakkan rakyat Malaysia menabung semasa semua perayaan ini. BSN juga akan mengadakan promosi untuk pelanggan yang berjimat pada bulan yang berbeza.
- b) Hanya untuk cabutan Mei, untuk perayaan Gawai dan Kaamatan, cabutan adalah untuk pelanggan yang telah membuat simpanan di Sabah dan Sarawak akan layak untuk cabutan.

**\*Semua bulan lain akan dibuka untuk pelanggan di seluruh negara.**

**12) Siapakah pelanggan yang layak untuk Cabutan Kasih?**

- a) Pelanggan dari kategori ini adalah khas bagi penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan penerima bantuan kewangan melalui saluran BSN.
- b) Simpanan minimum RM100 diperlukan untuk melayakkan diri.

**13) Apakah kadar keuntungan yang ditawarkan melalui BSN SSP untuk tahun 2025?**

Tahun ini, BSN SSP menawarkan kadar keuntungan selama 12 bulan berdasarkan kumpulan baki yang boleh dirujuk daripada jadual di bawah:

Kumpulan Baki	Tempoh Pegangan	Kadar Keuntungan setahun
RM5,000 – RM10,000	12 bulan	1.80%
RM10,010 – RM20,000		2.20%
RM20,010 – RM50,000		2.30%
RM50,010 and above		2.50%

*Nota: Simpanan hendaklah dibuat dalam satu transaksi*

**14) Apakah definisi gandaan penyertaan dan bagaimana cara untuk layak menerimanya dalam SSP BSN 2025?**

Definisi gandaan penyertaan ialah pelanggan akan mendapat pengganda 2x pada bilangan sijil semasa mereka untuk meningkatkan peluang mereka memenangi hadiah merentas kategori cabutan.

Untuk 2025, pelanggan boleh menerima peluang berganda daripada kaedah di bawah:

**a) Cabutan Akaun Gaji**

- Pelanggan yang layak untuk cabutan ini akan menerima gandaan penyertaan dalam semua cabutan.
- Gandaan penyertaan akan diberikan untuk keseluruhan jumlah dalam akaun SSP BSN mereka.

**b) Cabutan Simpanan Konsisten**

- Pelanggan yang layak untuk cabutan ini akan menerima gandaan penyertaan dalam semua cabutan.
- Gandaan penyertaan akan diberikan untuk keseluruhan jumlah dalam akaun SSP BSN mereka.

**c) Bonus Tambahan**

- Pelanggan perlu membuat simpanan baharu sebanyak RM500 pada tahun 2025 untuk menerima gandaan penyertaan untuk cabutan seterusnya sahaja.
- Gandaan penyertaan akan diberikan untuk simpanan yang dibuat pada bulan-bulan sebelum tarikh cabutan.

**d) Pelanggan 10 tahun dan keatas**

- Pelanggan yang telah menyimpan dengan BSN SSP selama 10 tahun atau lebih, mereka akan layak mendapat gandaan penyertaan untuk semua cabutan.
- Gandaan penyertaan akan diberikan untuk keseluruhan jumlah dalam akaun SSP BSN mereka.

***\*Nota: Untuk layak menyertai Cabutan Profesion / Segmen dan Cabutan Jutawan bagi bulan November, adalah dinasihatkan untuk pelanggan mengemaskini butiran anda di mana-mana cawangan BSN berdekatan dengan membawa bukti pekerjaan.***

***Bank berhak untuk membatalkan kelayakan Pelanggan untuk memenangi hadiah cabutan Guru atau Frontliners jika didapati terdapat penipuan dalam butiran pekerjaan Pelanggan***

**Sijil Layak Pelanggan / Penyertaan berdasarkan jadual dibawah:**

Nama	Kategori Cabutan	Bulan dan Jumlah Sijil / Penyertaan Layak untuk Pelanggan			
		Jan-25	Feb-25	Mar-25	Apr-25
	<b>Semua sijil / penyertaan adalah dalam gandaan RM10</b>				
Pelanggan 1	Sijil / Penyertaan Biasa	150	200	250	310
	Bonus Tambah Nilai Istimewa (gandaan penyertaan)	100	100	100	120
	Cabutan Akaun Gaji (gandaan penyertaan)	300	400	500	620
	Pelanggan 10 tahun ke atas (gandaan penyertaan)	300	400	500	620
	<b>Jumlah Sijil Layak</b>	<b>850</b>	<b>1,100</b>	<b>1,350</b>	<b>1,670</b>
Pelanggan 2	Sijil / Penyertaan Biasa	150	220	270	340
	Bonus Tambah Nilai Istimewa (gandaan penyertaan)	0	140	100	140
	Cabutan Akaun Gaji (gandaan penyertaan)	300	440	540	680
	Pelanggan 10 tahun ke atas (gandaan penyertaan)	300	440	540	680
	<b>Jumlah Sijil Layak</b>	<b>750</b>	<b>1,240</b>	<b>1,450</b>	<b>1,840</b>
Pelanggan 3	Sijil / Penyertaan Biasa	250	220	270	350
	Bonus Tambah Nilai Istimewa (gandaan penyertaan)	100	-	100	160
	Cabutan Akaun Gaji (gandaan penyertaan)	-	-	-	-
	Pelanggan 10 tahun ke atas (gandaan penyertaan)	500	440	540	700
	<b>Jumlah Sijil Layak</b>	<b>850</b>	<b>1,160</b>	<b>910</b>	<b>1,210</b>
Pelanggan 4	Sijil / Penyertaan Biasa	250	360	360	540
	Bonus Tambah Nilai Istimewa (gandaan penyertaan)	110	-	180	200
	Cabutan Akaun Gaji (gandaan penyertaan)	-	-	-	-
	Pelanggan 10 tahun ke atas (gandaan penyertaan)	-	-	-	-
	<b>Jumlah Sijil Layak</b>	<b>360</b>	<b>360</b>	<b>540</b>	<b>740</b>

**\*Nota: Semua peluang berganda ialah x2 bilangan sijil yang pelanggan layak untuk.**

*Rajah diatas adalah sekadar ilustrasi sahaja.*